



## KENYATAAN MEDIA

### TEKUN MART *PLATFORM* MEMPROMOSIKAN PRODUK USAHAWAN TEKUN

**KUALA LUMPUR, 11 FEBRUARI 2020** – TEKUN Nasional yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah mengambil langkah proaktif dalam mendepani isu kos sara hidup dengan inisiatif platform pemasaran produk harga rendah iaitu TEKUN MART. Selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang menggariskan peluang untuk memantapkan keupayaan dan prestasi perusahaan mikro ke peringkat yang lebih tinggi, TEKUN MART berupaya menyediakan ekosistem keusahawanan terutama bagi produk usahawan TEKUN Nasional untuk mempromosi dan memasarkan produk mereka selain memberi peluang rakyat untuk berbelanja dengan cara berhemah.

YB Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, “Selain daripada memasarkan produk-produk usahawan TEKUN Nasional secara terus tanpa orang tengah, pelaksanaan TEKUN Mart juga adalah untuk mengurangkan beban kos sara hidup pengguna di mana barangan yang dijual di TEKUN Mart adalah 10 hingga 15 peratus lebih murah daripada harga pasaran. Ia juga sebagai *platform* meningkatkan keupayaan usahawan untuk menembusi pasaran melalui kegiatan promosi serta perluasan rangkaian jaringan pemasaran produk dan mengatasi masalah kesukaran usahawan mikro bagi memasarkan produk di pasaraya-pasaraya besar”. Beliau berkata demikian ketika ditemui di Majlis Perasmian TEKUN Mart yang terletak di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Kuala Lumpur pada hari ini.

Sehingga kini, TEKUN Nasional telah mempunyai 2 buah premis TEKUN Mart yang beroperasi di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dan Lembah Subang. Pada tahun 2020, TEKUN Nasional mensasarkan untuk membuka TEKUN Mart di beberapa lokasi yang akan dikenalpasti serta akan memberi peluang kepada usahawan yang berminat untuk menjalankan perniagaan TEKUN Mart. Pelaksanaan TEKUN Mart terbahagi kepada beberapa kaedah seperti *Company Owned Company Operated* (COCO), *Company Owned Dealer Operated* (CODO) dan *Dealer Owned Dealer Operated* (DODO) bagi memberi pilihan kepada usahawan yang berminat menjalankan perniagaan TEKUN Mart mengikut keupayaan masing-masing.

TEKUN MART menggunakan konsep seperti Kedai Serbaneka FamilyMart dan KK Mart yang mempamerkan barangan serbaneka dengan suasana moden, selesa, kemas dan teratur. Selain daripada produk usahawan TEKUN, barang-barang keperluan harian serta produk makanan *Ready To Eat* juga turut dijual bagi menarik orang ramai datang ke TEKUN Mart.

Sejak tahun 1998 sehingga Disember 2019 TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan perniagaan kepada 441,600 orang usahawan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM5.75 bilion. Ini merupakan komitmen kerajaan melalui TEKUN Nasional dalam membantu usahawan Melayu dan Bumiputera.

TEKUN Nasional akan terus memainkan peranannya dalam membantu usahawan Bumiputera dimana tidak akan hanya bertumpu kepada usaha menyediakan pembiayaan mikro sahaja tetapi turut memberi fokus kepada pembangunan usahawan.

.....  
Sebarang pertanyaan berhubung TEKUN Mart sila berhubung dengan Puan Noor Haslinda Md Arshad, Pegawai Perhubungan Awam, TEKUN Nasional di talian 018-376 7769 atau emel ke [haslinda@tekun.gov.my](mailto:haslinda@tekun.gov.my) serta boleh layari [www.tekun.gov.my](http://www.tekun.gov.my).

**Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

**11 Februari 2020**